

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN PERKHIDMATAN KESELAMATAN  
TENAGA NASIONAL BERHAD  
KUALA LUMPUR

ZUBAIRAH BINTI LAWII © ALI

JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2004

100045537

Q14: 5261

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang <i>Zubiriah Binti Latif @ Ali</i>	No. Panggilan <i>L1 26 FYE 1 2014</i>
Judul <i>Latihan industri di Jabatan perkhidmatan . . .</i>	
Tarikh	Waktu Pemulangan

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100045537

LI 26 FPE 1 2004



1100045537

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Perkhidmatan Keselamatan Tenaga Nasional Berhad Kuala Lumpur / Zubairi Lawi @ Ali.



**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

1100045537

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEN

**LAPORAN AKHIR LATIHAN  
INDUSTRI DI JABATAN  
PERKHIDMATAN KESELAMATAN  
TENAGA NASIONAL BERHAD  
BANGSAR KUALA LUMPUR**

**Disediakan Oleh**  
**ZUBAILAH BINTI LAWI @ ALI**  
**UK6260**  
**Sarjana Muda Pengurusan**  
**( Polisi dan Sekitaran Sosial )**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada  
  
Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

**2004**

110004553?

## **PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN**

Dengan ini saya Zubailah binti Lawi @ Ali mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan tersebut.



---

**Nama: Zubailah binti Lawi @ Ali**  
**Tarikh : 18 Ogos 2004**

**Disahkan Oleh:**



---

**Penyelia KUSTEM**  
**b/p Pengerusi Latihan Industri**  
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**  
**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Pelatih bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya-nya dapatlah pelatih menyiapkan hasil laporan industri ini dengan jayanya. Pelatih ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa pihak dan individu atas sumbangan terhadap penulisan laporan Latihan Industri ini.

Pertama sekali pelatih merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khas buat En. Mohamad Razali Abdullah, selaku Pensyarah atau Penyelia Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Beliau telah banyak memberi peluang, bantuan dan tunjuk ajar serta teguran yang membina semasa menjalankan Latihan Industri dan juga dalam menyiapkan tugasan ini.

Tidak kurang juga pelatih mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Keselamatan Tenaga Nasional Berhad Bangsar, terutama sekali kepada En. Akasah bin Ismail selaku pengurus pentadbiran dan kewangan, Jabatan Perkhidmatan Keselamatan banyak peluang dan kepercayaan kepada pelatih dalam menjalankan Latihan Industri. Tidak lupa juga pelatih mengucapkan jutaan terima kasih kepada eksekutif-eksekutif yang banyak menolong pelatih mendapatkan

maklumat, kemahiran, pengetahuan, dan pengalaman berguna kepada pelatih.

Penghargaan khas buat keluarga yang sering memberi sokongan serta mendoakan kejayaan pelatih. Insya-Allah, harapan mereka untuk melihat kejayaan tidak akan pelatih sia-siakan. Akhir sekali, pelatih merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan tugas ini.

Zubailah binti Lawi @ Ali  
Sarjana Muda Pengurusan-Polisi dan Sekitaran Sosial,  
Semester Mei 2004

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Latihan Industri (SOS 4299) merupakan kursus wajib yang diambil oleh pelatih sebagai memenuhi keperluan kursus pelajar Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) bagi program Sarjana Muda Pengurusan-Polisi dan Sekitaran Sosial, Khasnya bagi pelajar Tahun III sesi Mei 2004/05. Latihan ini diadakan selama 12 minggu bertempat di Jabatan Perkhidmatan Keselamatan Tenaga Nasional Berhad Bangsar, Kuala Lumpur. Di dalam laporan latihan industri ini mengandungi tiga Bab. Bermula dengan Bab I yang menyentuh tentang latar belakang organisasi. Di dalam latar belakang ini merangkumi sejarah, latar belakang Jabatan Perkhidmatan Keselamatan, matlamat, misi, aktiviti-aktiviti Jabatan perkhidmatan Keselamatan (JPK) dan kemahiran yang dipelajari sepanjang berada di sana. Bab II merupakan bab yang menghuraikan tentang sistem sedia ada dan juga mengenalpasti masalah dan saranan kepada Latihan Industri. Ia meliputi sistem sedia ada seperti sistem nilai-nilai bersama yang terdiri daripada integriti, mengutamakan pelanggan, kecemerlangan perniagaan, dan prihatin. Pengenalpastian masalah yang dibincangkan ialah masalah disiplin, kemudahan komputer yang tidak mencukupi dan kurang kemahiran dalam penggunaanya, implikasi Latihan Industri serta saranan kepada Latihan Industri. Bab yang terakhir ialah Bab III, Bab ini merupakan rumusan secara ringkas tentang penemuan dan pandangan pelatih terhadap Latihan Industri yang telah dijalani selama 12 minggu bermula dari 22 Mac hingga 12 Jun 2003. Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa Latihan Industri ini banyak memberi kebaikan dan manfaat kepada pelajar setelah bergraduat dan juga dalam proses pembelajaran di kuliah.